

05/04/1997

Kekuatan peribadi jernihkan salah faham

WALAUPUN perhubungan Malaysia dan Singapura dikatakan akan mengambil waktu untuk pulih semula kepada tahapnya sebelum berlaku peristiwa affidavit Menteri Kanan, Lee Kuan Yew yang mencemuh negeri Johor, tetapi kita wajar berasa lega bahawa krisis itu tidak berpanjangan hingga menjadi lebih serius.

Krisis itu tidaklah sama dengan krisis antara Singapura dan Filipina mengenai kes seorang pembantu rumah Filipina dihukum gantung setelah didapati salah oleh mahkamah tinggi Republik itu pada 1995. Presiden Fidel Ramos memanggil pulang dutanya di Singapura. Pembantu rumah bangsa Filipina juga ikut dipanggil pulang. Untuk beberapa waktu, perhubungan Singapura dan Filipina dibekukan. Kini perhubungan Singapura dan Manila pulih kepada keadaannya yang sediakala.

Sengketa kita dengan Singapura kali ini terbatas pada pendapat Lee terhadap negeri Johor saja. Kita telah membantah keras kenyataan itu. Lee pula sudah meminta maaf sebanyak dua kali. Pertama kali dia meminta maaf tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia kerana dianggap tidak ikhlas. Lee sekali lagi meminta maaf dengan menarik affidavitnya itu daripada rekod mahkamah. Pihak kita pun menerimanya.

Bagaimanapun walaupun luka sudah hilang, parutnya masih ada. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hubungan dengan Singapura sebenarnya tidak dibekukan. Tetapi, tambahnya, hubungan seperti sediakala hanya mungkin setelah keadaan reda semula.

Kita wajar menerima baik sentimen pemimpin Singapura termasuk kenyataan Perdana Menteri, Goh Chok Tong, yang positif untuk berusaha memperbaiki dan meningkatkan tahap perhubungan antara Singapura dan Malaysia pada masa hadapan.

Saya percaya di pihak Malaysia juga, hasrat seperti itu memang selamanya menjadi dasar kita menangani perhubungan kita dengan Singapura. Hakikat yang kita sama-sama hadapi ialah keretakan dalam perhubungan antara kedua-dua jiran terdekat itu, tidak akan membawa manfaat sedikitpun pada kesejahteraan hidup kita bersama.

Tetapi keinginan bersama itu hanya dapat terisi dan terpenuhi kalau sekiranya kita tidak menganggap enteng dan mudah saja perhubungan antara kita. Paling penting ialah kita perlu belajar dari apa yang berlaku baru-baru ini dan menggunakannya sebagai iktibar dan pelajaran agar kerumitan seperti ini tidak berulang pada masa hadapan.

Kerana kita berupa dua negara tetangga yang terdekat, perhubungan kita adalah amat sensitif.

Sebenarnya perselisihan terkini ini menunjukkan kegagalan kita menangani masalah perhubungan antara kita sebagai tetangga. Sebagai jiran yang amat rapat, kita wajar sensitif menjaga perasaan dan sensitiviti satu sama lain.

Adakah kita masih belum belajar bagaimana hidup berjiran dan adab hidup sebagai tetangga? Singapura adalah sebuah kota moden. Rakyatnya tinggal dalam rumah pangsa dan kondominium. Gaya hidup mereka ialah gaya hidup orang kota yang nilai dan budaya hidup berjiran tidak lagi seperti yang diamalkan oleh rakyat yang masih kuat berpegang kepada nilai tradisional.

Masyarakat Malaysia masih dalam proses melalui perubahan untuk menjadi sebuah negara industri. Nilai hidup tradisional masih utuh sekalipun dalam kehadiran rakyat di bandar.

Dalam masyarakat tradisi jiran dan tetangga mempunyai kedudukan yang

agak istimewa. Seorang jiran terdekat dianggap lebih tinggi kedudukannya daripada keluarga sendiri yang jauh.

Apabila berlaku salah faham, jiran itu bertemu empat mata untuk menyelesaikan salah faham mereka, serta saling bermaaf-maafan. Cara itu menyelesaikan perselisihan antara jiran tetangga juga diamalkan dalam hubungan antara negara. Kekuatan hubungan peribadi antara pemimpin sebuah negara dengan sebuah negara lain boleh menjernihkan keadaan salah faham antara mereka.

Berhubung sengketa Singapura dengan Malaysia baru-baru ini, situasi itu menjadi rumit ialah kerana pendekatan itu telah tidak digunakan. Hanya kenyataan demi kenyataan dikeluarkan. Di pihak kerajaan Singapura kenyataan dikeluarkan untuk menerangkan sikapnya.

Sedangkan antara kedua-dua pihak, sudah terjalin hubungan peribadi antara pemimpin yang boleh dipergunakan untuk membantu menjernihkan keadaan yang rumit itu dari awal lagi.

Hanya sekarang kita membaca dalam media bahawa pemimpin Singapura akan berusaha mengadakan pertemuan dengan pemimpin Malaysia dalam sidang antarabangsa di luar negara untuk membincangkan isu sengketa itu. Mudah-mudahan pertemuan itu akan menjadi kenyataan. Perhubungan antara kedua-dua negara harus dipulihkan kepada tahapnya yang sediakala dan ditingkatkan lagi demi kepentingan kita bersama dan juga rakyat di rantau ini.

(END)